

Volume 20, No. 1  February 2023

JOURNAL OF

Islam in Asia

A Refereed International Biannual Arabic – English Journal

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

إِنَّمَا
يُنشأ
الله
من
عبادته
العلماء



JOURNAL OF *Islam in Asia*

Volume 20, No. 1 February 2023

ISSN: 1823-0970 E-ISSN: 2289-8077

Journal of Islam in Asia

SPECIAL ISSUE: ISLAMIC CONTEMPORARY RESEARCH

Selected Papers from the International Conference on Islamic
Contemporary Studies and Management 2021 (ICICM2021)

EDITOR-in-CHIEF

Abdul Salam @ Zulkifli B. Muhamad Shukri

EDITOR

Noor Azlan B. Mohd Noor

ASSOCIATE EDITOR

Homam Altabaa

GUEST EDITORS

Homam Altabaa

Mohd Aizul B. Yaakob

Mohammad Dhiya'ul Hafidh B. Fatah Yasin

Raudlotul Firdaus B. Fatah Yasin

Kamel Ouinez

COPY EDITOR

Nur Mashitah Wahidah Bt. Anuar

EDITORIAL ADVISORY BOARD

LOCAL MEMBERS

Abdel Aziz Berghout (IIUM)

Muhammed Mumtaz Ali (IIUM)

Nadzrah Ahmad (IIUM)

Rahmah Bt. A. H. Osman (IIUM)

Sayed Sikandar Shah (IIUM)

Saidatolakma Mohd Yunus (IIUM)

Thameem Ushama (IIUM)

INTERNATIONAL MEMBERS

Abdullah Khalil Al-Juburi (UAE)

Abu Bakr Rafique (Bangladesh)

Anis Ahmad (Pakistan)

Fikret Karcic (Bosnia)

Muhammad Al-Zuhayli (UAE)

Zafar Ishaque Ansari (Pakistan)

Articles submitted for publication in the *Journal of Islam in Asia* are subject to a process of peer review, in accordance with the normal academic practice.

© 2023 by *International Islamic University Malaysia*

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, translated, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of the publisher.



E-ISSN: 2289-8077

Keterbukaan Ulama Melayu Terhadap Akidah Salaf: Satu Kajian Berdasarkan Pemikiran Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Menerusi Kitab Perisai bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman atas Mazhab Salaf

The Acknowledgment of Malay Scholar to The Creed of Salaf: A Study Based on The Thought of Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Through A Shield for Those Who are Commissioned or Faith Knot According to The Salaf

Muhammad Ihsan Bin Idris,* Nurul Faezah Binti Yahaya,** Nor Athirah Binti Mohamed Indera Alim Sah***

Abstrak

Akidah Salaf telah menjadi tunjang utama pembentukan Ahli Sunnah Wal Jamaah jauh sebelum wujudnya mazhab Khalaf. Penghayatan akidah generasi Salaf dari kalangan Sahabat dan Tabiin merupakan contoh terbaik bagi seluruh umat untuk melaksanakan tuntutan mentauhidkan Allah. Dominasi akidah Asyairah dan Maturidiyah yang diwarisi sejak berabad lamanya di Nusantara sememangnya telah memberi sumbangan yang besar kepada penerusan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah namun tanpa sedar, dominasi ini telah menyempitkan kefahaman masyarakat awam tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah di mana aliran Salaf tidak dianggap sebahagian daripada Ahli Sunnah. Lebih parah, keterasingan ini telah mengakibatkan perpecahan dan permusuhan sesama muslim. Ironinya, para ulama Melayu zaman silam tidak pernah menafikan akidah Salaf sebagai satu aliran dalam mazhab Ahli Sunnah Wal

*Lecturer, Faculty Of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis, email: ihsan@kuips.edu.my

**Lecturer, Faculty Of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis, email: faezahyahaya@kuips.edu.my

***Lecturer, Faculty Of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis, email: norathirah@kuips.edu.my

197

**Keterbukaan Ulama Melayu Terhadap Akidah Salaf: Satu Kajian
Berdasarkan Pemikiran Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Menerusi
Kitab Perisai bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman atas Mazhab
Salaf**

Jamaah. Solusi kepada kemelut yang berlaku ini telah lama dirintis oleh Syeikh Abdul Qadir al-Mandili, seorang tokoh ulama prolific Melayu yang telah memperkenalkan akidah Salaf kepada masyarakat awam Islam di Malaysia. Karyanya yang berjudul Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf merupakan terjemahan dan syarah kepada matan akidah al-Tahawiyah dan dapat dianggap karya terawal yang mengupas perbincangan dan prinsip akidah Salaf secara menyeluruh dalam bahasa Melayu untuk tatapan umat Islam di Nusantara. Dapatan kajian bersifat kualitatif ini menunjukkan huraian akidah al-Mandili mengaplikasikan sepenuhnya prinsip dan kefahaman Salaf dalam setiap perbincangan yang diketengahkan.

Kata kunci: Ulama, Melayu, Akidah, Al-Mandili, Perisai, Salaf.

Abstract

The creed of Salaf has become the main essence of the formation of Ahli Sunnah Wal Jamaah long before the khalaf sect exists. The implementation of Islamic creed among the companions of Muhammad p.b.u.h and tabiin is the best model for all people to carry out the obligation to worship Allah alone. On the other hand, the dominance of the Ashairah and Maturidiyah creeds inherited for centuries in the archipelago have contributed significantly to the continuation of the Ahli Sunnah Wal Jamaah sect but at the same time, without anyone notice, this domination has narrowed the understanding of Ahli Sunnah Wal Jamaah among muslims as the Salaf creed is not considered part of the Ahli Sunnah Wal Jamaah. Worse comes to worst, this phenomenon has resulted in a split and hostility of fellow Muslims. Ironically, the Malay scholars of the past have never denied the Salaf Akidah as a stream in the Ahli Sunnah Wal Jamaah. As a matter of fact, the solution to this crisis has long been pioneered by Sheikh Abdul Qadir al-Mandili, a prolific scholar who has introduced the Salaf Akidah to the Muslim public in Malaysia. His work entitled A Shield For Those Who Are Commissioned Or Faith Knot According To The Salaf is a translation and explanation to Akidah al-Tahawiyah and can be considered the earliest work that examines the debate and the principle of the Salaf faith in Malay for the views of Muslims in the Nusantara. The findings of this qualitative study show that the description of Akidah al-Mandili applies the full principle and understanding of Salaf in every debate highlighted.

Keywords: Attributes of Allah, al-Mandili, Perisai, Salaf.

Pengenalan

Pengajian akidah merupakan satu cabang ilmu paling penting dalam kurikulum pengajian Islam. Keutamaannya tidak terbatas hanya dari sudut silibus pengajian yang mendasari seluruh ajaran Islam, tetapi juga dari segi kemampuannya untuk mempertahankan jatidiri umat Islam dan membangun potensi ummah (Mohd Fauzi, 2004, 25). Sejak

berabad lamanya, masyarakat Islam di Malaysia telah sebatu dengan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah beraliran Asya'irah dan Maturidiyah. Pegangan akidah yang telah lama mendarah daging dan diwariskan secara tradisi dari generasi ke generasi ini tanpa sangsi telah membuahkan kestabilan rohani dan perpaduan dalam kalangan ummah (Abdul Shukor, 2000, 7). Namun begitu, secara sedar atau tidak, fahaman tradisi ini tidak dapat memberikan kefahaman yang tepat dan menyeluruh tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dalam kalangan masyarakat, hanya aliran Asya'irah dan Maturidiyah dianggap sebagai Ahli Sunnah sedang aliran-aliran lainnya seperti Salaf atau Wahabi tidak dianggap sebahagian daripada Ahli Sunnah. Keterasingan ini sedikit demi sedikit telah menimbulkan keresahan dan kejanggalan dalam kalangan masyarakat hingga menjurus kepada fenomena takfir sesama umat Islam.

Kajian Lepas

Terdapat banyak kajian telah dilakukan oleh para penyelidik berhubung ulama Melayu. Ada yang mengkaji pemikiran ulama Melayu dengan merentas pelbagai disiplin ilmu seperti usuluddin, fiqh, hadis dan sebagainya. Ada pula yang meneliti sumbangan dan pengaruh pemikiran tersebut kepada masyarakat. Tidak kurang juga yang mengkaji biografi dan latar belakang seseorang tokoh.

Menyentuh kajian tentang pemikiran ulama Melayu, sumbangan dan pengaruh mereka dengan menghusus kepada disiplin ilmu akidah, Engku Ku Hassan dan Mohd Fauzi Hamat menerusi kajian mereka "*Pengaruh Umm al-Barahin Karangan al-Sanusi Dalam Penulisan Karya Akidah Di Alam Melayu*" membuktikan betapa kitab akidah bermanhaj Asya'irah ini sangat mempengaruhi karya-karya akidah yang ditulis oleh ulama-ulama Melayu (Engku Ku Hassan, Mohd Fauzi, 2009). Faizuri dan Ahmad telah mengkaji tentang pemikiran Tuan Minal terhadap sifat-sifat Allah. Artikel yang berjudul "Perbahasan Mengenai Sifat-sifat Allah S.W.T: Analisis Pemikiran Tuan Minal" mengkaji pendirian Tuan Minal mengenai sifat-sifat Allah menerusi karyanya *Aqidah al-Najin*. Dapatan kajian menunjukkan Tuan Minal merupakan ulama yang sangat berpegang teguh dengan aliran akidah Asya'irah yang telah menjadi tunjang utama pembentukan akidah umat Islam di Nusantara (Faizuri, Ahmad Faisal, 2012). Najat Mat Nor dan Mohd Safri Ali turut menyumbang kajian menerusi penyelidikan mereka berhubung ayat

Keterbukaan Ulama Melayu Terhadap Akidah Salaf: Satu Kajian 199

**Berdasarkan Pemikiran Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Menerusi
Kitab Perisai bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman atas Mazhab
Salaf**

mutasyabihat. “Kajian Literatur Terhadap Sumbangan Ulama Melayu Dalam Menjelaskan Ayat Mutasyabihat” mengetengahkan bukti-bukti keterlibatan ulama Melayu dalam memberi pencerahan kepada masyarakat tentang tafsiran ayat mutasyabihat (Mat Nor, N., Ali, M.S, 2021).

Melihat kepada sorotan kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa kajian tentang keterbukaan ulama Melayu terhadap akidah Salaf belum dijadikan penyelidikan oleh mana-mana ahli akademik. Kajian ini sangat signifikan bagi meninjau pengaruh dan peranan ulama Melayu serta sikap mereka terhadap akidah Salaf.

Permasalahan Kajian

Merujuk kepada kajian Abdul Shukor, fahaman akidah Asyairah dan Maturidiyah yang diwarisi secara tradisi dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia telah menyempitkan kefahaman mereka tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah. Bagi orang awam, mereka melihat hanya Asyairah dan Maturidiyah sebagai Ahli Sunnah, manakala aliran lain seperti Salaf atau aliran Wahabi tidak dianggap sebahagian daripada Ahli Sunnah. Keterasingan ini menjadikan sebarang bentuk perbahasan berkaitan Salaf yang diketengahkan dalam masyarakat, walaupun untuk tujuan ilmiah, dilihat janggal dan boleh menimbulkan suasana yang tidak harmoni (Abdul Shukor, 2000, 13). Tambahan daripada itu, Basri bin Ibrahim dalam kajiannya mendapati telah wujud polemik tidak sihat antara segelintir pendokong Salaf dengan Khalaf apabila masing-masing aliran saling melontarkan tuduhan kasar dan keras terhadap satu sama lain (Basri, 2019, 5). Fenomena yang berlaku ini jika tidak ditangani dengan berhikmah sudah pastinya akan mengeruhkan lagi perpaduan dan keharmonian umat Islam.

Tiada penyakit yang tiada penawarnya. Merujuk kepada fenomena yang berlaku, Abdul Shukor menyarankan agar fahaman tradisi ini dinilai kembali dengan acuan yang komprehensif dan lebih terbuka agar jurang perbezaan dan keresahan dalam kalangan masyarakat dapat diharmonikan (Abdul Shukor, 2000, 14). Menyedari hakikat yang telah disebutkan, penyelidik merasakan perlunya satu kajian ilmiah dilakukan bagi meninjau sikap dan peranan ulama Melayu dalam menyampaikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah menerusi kitab-

kitab karya mereka. Hal yang demikian kerana pengaruh ulama Melayu sememangnya sangat signifikan dalam pembentukan nilai intelek, watak dan jati diri masyarakat Melayu Islam sekaligus mampu memberikan implikasi yang besar dalam mengubah hala tuju dan corak pemikiran masyarakat ke arah yang lebih harmoni dan sempurna.

Kedudukan Akidah Salaf Dan Khalaf Dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah

Secara umumnya, akidah Salaf adalah sinonim dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah memandangkan pengasas kepada mazhab ini adalah para Sahabat dan tabiin (Abdul Shukor, 2000, 20). Berdasarkan kenyataan ini, Abdul Shukor menegaskan Abu Hasan Asyaari dan Abu Mansur Maturidi bukanlah pengasas Ahli Sunnah Wal Jamaah sepertimana sangkaan kebanyakan umat Islam. Pada hakikatnya, kedua-dua tokoh yang disebutkan adalah penerus kepada mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah (Abdul Shukor, 2000, 28). Mazhab Salaf dalam berakidah tidak berakhir dengan berakhirnya generasi pertama Islam. Fahaman akidah yang diwarisi para sahabat dan tabiin ini terus diperjuangkan oleh ulama yang ikhlas seperti Imam Malik bin Anas dan Ahmad bin Hanbal (Abdul Shukor, 2000, 32). Mazhab ini akan terus malar segar selagi ada dalam kalangan umat Islam yang berpegang dan menghayati metodologi Salaf dalam berakidah. Aliran Salaf tidak wajar dibataskan hanya pada tempoh masa tetapi lebih utama dilihat pada metodologi yang menjadi pegangan (Abdul Shukor, 2000, 30).

Kemunculan aliran Salaf dan Khalaf dalam mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah bermula daripada perbezaan mereka memahami firman Allah berhubung ayat-ayat *mutasyabihat* sebagaimana tersebut dalam Surah Ali Imran ayat 7. Golongan Salaf berpandangan hanya Allah yang mengetahui murad ayat *mutasyabihat* sedang golongan Khalaf berpendirian orang-orang yang cukup mendalam ilmunya dalam bidang agama mampu dan layak mentafsirkan ayat *mutasyabihat* (Abdul Shukor, 2000, 34). Bertitik tolak daripada perbezaan ini, mereka yang beraliran Salaf cenderung untuk tidak mentakwilkan sifat-sifat Allah manakala mereka yang beraliran Khalaf menggunakan pendekatan takwil dalam mentafsirkan ayat *mutasyabihat*.

Menelusuri kronologi kemunculan aliran Salaf dan Khalaf, sejarah awal Islam memperlihatkan generasi sahabat dan tabiin sebagai penerus akidah yang diwarisi daripada Rasulullah s.a.w. Mereka adalah golongan

201

**Keterbukaan Ulama Melayu Terhadap Akidah Salaf: Satu Kajian
Berdasarkan Pemikiran Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Menerusi
Kitab Perisai bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman atas Mazhab
Salaf**

yang menghayati akidah Islam sesuai dengan petunjuk al-Quran dan al-Sunnah. Pada zaman ini, terdapat juga mereka yang menyelisih mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti Syiah, Khawarij, Jahmiyyah dan lain-lainnya namun dalam bilangan yang minoriti. Kecelaruhan akidah dan pemikiran umat Islam semakin membarah bermula dengan kemasukan pemikiran bersifat falsafah daripada Greek, Parsi dan budaya lainnya dalam aspek ketuhanan yang dibawa masuk ke dalam masyarakat Islam menerusi pelbagai saluran (Abdul Shukor, 2000, 22). Akibatnya, pemikiran falsafah ketuhanan Yunani, kepercayaan Batiniah dan Tasawuf falsafi semakin mendapat tempat dalam masyarakat Islam (Abdul Shukor, 2000, 33). Pengaruh pemikiran falsafah yang meresapi pemikiran umat Islam telah memecah-belahkan perpaduan umat Islam, menjadikan mereka sibuk dengan perdebatan teori akal sesama mereka dan saling menyalahkan satu sama lain. Akibatnya, ilmu akidah yang sewajarnya menjadi pegangan hidup bertukar kepada pertelingkahan dan perdebatan yang tidak kunjung selesai (Ramli Awang, 2013, 181-182.)

Pada ketika inilah, iaitu ketika umat Islam dilanda kegawatan pemikiran akidah dan kecelaruhan dalam mentafsirkan nusus agama, satu pendekatan baru yang dipandang bersesuaian dengan keadaan dan situasi masyarakat semasa telah diambil bagi menangani kemelut yang sedang dihadapi. Kehadiran golongan Khalaf, antaranya Imam Ghazali sebagai salah seorang tokoh yang mempelopori pendekatan Khalaf telah berjaya membersihkan akidah Islam daripada pemikiran falsafah ketuhanan Yunani, Batiniah, Tasawuf falsafi dan kebudayaan lama Parsi daripada terus bertapak dalam masyarakat Islam. Kaedah Khalaf dalam pemikiran akidah Islam masih terus diguna pakai hingga ke hari ini khususnya di Nusantara manakala pendekatan Salaf juga masih dihayati oleh masyarakat Islam khususnya di Timur Tengah. Secara prinsipnya, kedua-dua manhaj Salaf dan Khalaf diiktiraf dan diakui dalam Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Kedua-dua pendekatan ini sesuai diamalkan menurut tingkat kefahaman umat Islam itu sendiri (Abdul Shukor, 2000, 37).

Akidah Islam Dalam Worldview Ulama Melayu

Sejak berabad lamanya, majoriti umat Islam di Malaysia dan Nusantara telah menerima dan mengamalkan akidah Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah beraliran Khalaf atau sinonim dengan aliran Asyairah dan Maturidiyah. Pegangan yang terpasak kukuh ini telah menjadi begitu dominan sekaligus memberikan satu sumbangan yang sangat tinggi nilainya kepada penerusan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kajian Abdul Shukor mendedahkan aras penanda kekuatan pegangan akidah Asyairah dan Maturidiyah dalam kalangan masyarakat Islam Malaysia dapat dilihat menerusi kitab akidah yang menjadi sumber pengajian dan rujukan utama di institusi pengajian formal atau tidak formal. Jelas beliau, keseluruhan institusi pengajian menggunakan kitab akidah aliran Asyairah dan Maturidiyah yang ditulis sendiri oleh tokoh-tokohnya sama ada dalam Bahasa Melayu, Arab atau terjemahan. Tambah beliau lagi, kitab-kitab beraliran Asyairah dan Maturidiyah ini telah bertapak kukuh dalam sistem pengajian Islam bermula daripada sistem pengajian pondok hingga kepada sistem yang lebih teratur dan tersusun seperti di sekolah agama, kolej dan universiti. Kitab-kitab selain aliran Asyairah dan Maturidiyah tidak banyak digunakan melainkan atas tujuan penyelidikan. (2000, 8-9).

Melihat kepada tradisi pengajian akidah Islam di Nusantara, lipatan sejarah menyaksikan majoriti ulama Melayu memilih manhaj Khalaf sebagai dasar akidah. Namun begitu, hakikat ini tidak menjadikan mereka menyetepikan huraian tentang akidah Salaf sebagai satu aliran dalam mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah. Berdasarkan karya-karya peninggalan ulama Melayu, terbukti bahawa ulama-ulama Melayu zaman silam tidak pernah mengesampingkan apatah lagi menafikan Akidah *Salaf* sebagai satu aliran yang bernaung di bawah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*.

Sejak abad ke-19, dalam suasana rata-rata dalam kalangan umat Islam berpegang dengan aliran Asyairah dan Maturidiyah sebagai tonggak akidah, Syeikh Wan Zainul Abidin bin Muhammad al-Fatani atau lebih dikenal sebagai Tuan Minal menerusi karyanya *Akidah al-Najin fi 'Ilmi Usul al-Din*¹ telah memberikan penerangan ringkas tetapi adil tentang *Salaf* dan *Khalaf*. Menukilkan kata-kata beliau: “Dan bermula

203

**Keterbukaan Ulama Melayu Terhadap Akidah Salaf: Satu Kajian
Berdasarkan Pemikiran Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Menerusi
Kitab Perisai bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman atas Mazhab
Salaf**

thariqah Khalaf itu terlebih mengetahui dan terlebih teguh kerana barang yang padanya bertambah *wadhih* (jelas) dan iaitu terlebih rajih Dan bermula *thariqah Salaf* itu terlebih selamat kerana barang yang di dalamnya selamat daripada *menta'yinkan* (menentukan) maknanya terkadang ada ia bukan *murad* (kehendak) bagi Allah Ta'ala." (al-Fatani (a), t.t, 49). Pada halaman lainnya, beliau melanjutkan: "Dan hasil *thariqah Salaf* dan *Khalaf* itu *Ahli al-Sunnah*." (al-Fatani (a), t.t, 51).

Dengan berpandukan kenyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa walaupun Syeikh Zainul Abidin memandang pendirian *Khalaf* lebih *rajih* berbanding Salaf, beliau tidak memencilkan akidah Salaf sebagai satu kefahaman yang bernaung di bawah lembayung *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* dan wajar dihormati. Ketika membahaskan tentang ayat-ayat berkaitan nama-nama dan sifat-sifat Allah, beliau tidak hanya membataskan pada pandangan *Khalaf* namun turut menjelaskan pendirian *Salaf* dalam masalah tersebut. Sebagai contoh, penyelidik memetik nukilan beliau berhubung sifat *istiwa'* bagi Allah. Beliau menyatakan:

"Maka Salaf berkata oleh mereka itu, tiada kami ketahui akan hakikat tertinggi itu tetapi Maha Suci zat-Nya itu berhubung dengan 'Arasy. Dan Khalaf berkata mereka itu, bermula *murad* dengan tertinggi di atas 'Arasy itu memerintah dan memilik jua." (al-Fatani (a), t.t, 50)

Pada contoh lainnya ketika membahaskan sifat *wajh* (muka), *yad* (tangan) dan *asabi'* (jari) Allah, beliau menyatakan:

"Maka bermula Salaf berkata mereka itu, bagi Allah itu muka dan tangan dan segala anak jari, tiada kami ketahui akan dia. Dan bermula Khalaf berkata mereka itu, bermula *murad* daripada muka itu zat-Nya dan *murad* dengan tangan itu kudrat dan *murad* daripada katanya antara dua anak jari daripada segala anak jari Rahman itu antara dua sifat daripada segala sifat-Nya dan dua sifat itu kudrat dan iradat." (al-Fatani (a), t.t, 50-51)

Selain Tuan Minal, Syeikh Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain al-Fatani menerusi karyanya *Faridatul Faraid* turut mempamerkan nilai integriti dan amanah ilmiah dalam menyampaikan risalah agama dengan

bersikap *mu'tadil* ketika membahaskan perbezaan pandangan antara mazhab Salaf dan Khalaf. Merujuk kepada kata-kata beliau:

“Dan ketahui olehmu bahawasanya apabila datang di dalam al-Quran atau hadis barang yang memberi wahamkan menyerupai maka mazhab Salaf diserahkan kehendaknya kepada Allah Taala dan mazhab al-Khalaf ditakwil akan dia maka seperti firmannya Allah Taala “*al-Rahmaan ‘ala ‘Arsy istawa*” ertinya bermula Tuhan yang Rahman itu di atas ‘Arasy-Nya tertinggi maka kata Salaf tertinggi Ia sebagai tertinggi yang tiada kita ketahuikan kaifiyatnya maka kita serahkan kehendaknya kepada-Nya Taala dan kata Khalaf dikehendaki dengan tertinggi itu memerintah dan *mulk.*” (al-Fatani (b), t.t, 6)

Pendirian senada juga dapat dilihat pada tokoh ulama Melayu pengarang *Bahr al-Madhi*, Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi. Melihat kepada pandangannya, al-Marbawi cenderung berpegang kepada mazhab *Khalaf*, namun kecenderungan ini tidak menjadikan beliau bersikap berat sebelah atau fanatik pada aliran yang dipegang (Faisal, 2013, 156-157). Bagi al-Marbawi, kedua-dua aliran iaitu Salaf dan Khalaf adalah benar dan kenyataan ini sudah pastinya memperlihatkan keterbukaan ulama Melayu terhadap akidah Salaf. Sebagai contoh, penyelidik memetik kupasan al-Marbawi ketika menghuraikan hadis-hadis sifat. Pada masalah bernombor 353: Tangan Allah itu terbuka, al-Marbawi menjelaskan:

“Dan telah bersalah-salahan ulama pada makna tangan Allah itu atas dua *qaul*. Pertamanya *qaul* mazhab jumhur Salaf dan ulama Ahl al-Sunnah dan setengah daripada ulama mutakallimin. Bahawasanya tangan Allah itu satu sifat daripada beberapa sifat zat-Nya semacam sifat *sama'* dan *basar* dan lainnya juga. Maka wajib atas kita beriman dengan dia, dan menerimanya sebagaimana yang datang ia di dalam kitab Quran dan hadis Nabi, datang dengan tiada menyebutkan berkaifiyat dan tiada serupa. Dan tiada *ta'til*....*Qaul* yang keduanya ialah *qaul* jumhur Mutakallimin dan Ahl al-Takwil maka bahawasanya mereka itu telah berkata, tangan itu disebutkan di dalam *lughah* atas beberapa maknanya. Pertamanya ialah tangan itu anggota yang maklum itu. Keduanya dengan makna nikmat. ...Ketiganya dengan makna kudrat.” (al-Marbawi, t.t, 251)

205

**Keterbukaan Ulama Melayu Terhadap Akidah Salaf: Satu Kajian
Berdasarkan Pemikiran Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Menerusi
Kitab Perisai bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman atas Mazhab
Salaf**

Selain tokoh-tokoh ulama yang telah disebutkan, Syeikh Muhammad Nur bin Muhammad bin Ismail al-Fatani juga telah menghuraikan juzuk akidah Salaf ketika membahaskan perkara berkaitan akidah. Ketika menghuraikan matan kitab *Sullam al-Mubtadi* karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, beliau telah menghuraikan prinsip Salaf dalam mentafsirkan sifat *istiwa'* bagi Allah:

“Adapun Ahl al-Sunnah berkata mereka itu, bermula *istiwa'* Allah atas 'Arasy-Nya satu sifat bagi Allah tiada diketahuikan bagaimananya, wajib atas seorang beriman dengan dia dan menyerahkan mengetahuikan bagaimananya itu kepada Allah.” (al-Fatani (c), t.t, 11).

Perbahasan akidah antara Salaf dan Khalaf khususnya berkaitan ayat sifat turut diwarnai secara *mu'tadil* oleh tokoh ulama dari Singapura, Syeikh Ahmad Sonhadji. Disertasi Norlaila binti Sulaiman mendapati Ahmad Sonhadji (1922-2010), dalam tafsirnya *'Abr al-Athir* telah mengaplikasikan manhaj Salaf ketika menjelaskan tafsiran ayat al-Quran berhubung sifat-sifat Allah (Norlaila, 2010). Sebagai contoh, merujuk kepada tafsiran tangan Allah, Ahmad Sonhadji mengatakan:

“Perkataan tangan Allah – mengikut ulama Ahli Sunnah dan ulama tauhid – di sini merupakan salah satu sifat zat Allah seperti sifat *al-sam'u* dan *al-basar*. Kita wajib beriman dengannya dan menerimanya bulat-bulat – mengikut yang tersebut dalam al-Quran dan al-Hadis – dengan tidak payah hendak tahu bagaimana dan seperti apakah tangan Allah itu. Adapun mengikut kebanyakan para ulama Mutakallimin dan Ahli Takwil mengatakan bahawa perkataan tangan Allah itu ialah dimaksudkan dengan nikmat-Nya, kekuasaan-Nya dan milik-Nya – tidaklah sekali-kali Allah mempunyai tangan yang dapat diserupakan seperti makhluk” (Ahmad Sonhadji, 2012, 185-186).

Penelitian ke atas fakta-fakta di atas jelas membuktikan ketokohan dan keterbukaan ulama Melayu dalam menyampaikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan penuh amanah ilmiah tanpa dipengaruhi sikap taasub mazhab dan seumpamanya. Inilah jejak-jejak peninggalan ulama yang diikuti oleh al-Mandili. Sehubungan dengan itu, dapat disimpulkan bahawa selain al-Mandili, telah ada ulama-ulama Melayu yang membahaskan juzuk akidah Salaf kepada masyarakat

awam. Al-Mandili bukanlah orang pertama dalam kalangan ulama Melayu yang memecah tradisi apabila membicarakan tentang akidah Salaf. Akan tetapi beliau adalah orang pertama yang mengupas persoalan akidah Salaf secara lengkap dan menyeluruh dalam sebuah karya akidah berbahasa Melayu.

Latar Belakang Syeikh Abdul Qadir al-Mandili

Syeikh Abdul Qadir al-Mandili bukanlah satu nama asing bagi masyarakat Nusantara khususnya di Malaysia dan Thailand. Dalam kalangan pelajar dan guru pondok, nama al-Mandili adalah sebaris dengan tokoh-tokoh ulama Melayu abad ke-19. Mula menempa nama di persada dunia dakwah seawal usia 20an, nama al-Mandili terus dijulang dan diberi kepercayaan untuk menjadi tenaga pengajar di Masjidil Haram (Ramli Awang, 2008, 17).

Menelusuri riwayat hidup al-Mandili, anak kelahiran Tapanuli Selatan, Sumatera Utara ini dibesarkan dalam keluarga petani. Al-Mandili mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Belanda hingga darjah lima. Beliau kemudiannya dihantar ke negeri Kedah untuk mendalami pengajian agama di pondok-pondok di Kedah (Ishamuddin, 1987, 3). Terdapat tiga pondok pengajian yang melakar sejarah pendidikan al-Mandili iaitu Pondok Penyarom di Tobiar, Pendang Kedah, Pondok Air Hitam dan Pondok Gajah Mati (Ramli Awang, 2008, 11-12). Pondok Penyarom menjadi saksi kesungguhan al-Mandili mengenal asas huruf dan bacaan jawi manakala di Pondok Air Hitam, al-Mandili mula mendalami kitab-kitab nahu dan tatabahasa Arab. Selanjutnya, pengajian yang lebih terfokus kepada ilmu-ilmu agama adalah di Pondok Gajah Mati di mana beliau telah mengabdikan diri selama sepuluh tahun di pondok ini. Di sinilah al-Mandili mula mengukir nama dalam kalangan guru dan pelajar pondok di mana beliau telah diberi kepercayaan untuk mengajar semua mata pelajaran di Pondok Gajah Mati.

Setelah lebih kurang 12 tahun menuntut ilmu di negeri Kedah, pada tahun 1936 al-Mandili menyambung pengajiannya ke Mekah dengan berguru kepada beberapa ulama terkenal yang mengajar di Masjidil Haram. Antara guru-guru beliau ialah Wan Ismail bin Wan Abd. Al-Qadir atau masyhur dengan panggilan Pak Da Ail Patani, Syeikh Ali al-Maliki dan Syeikh Muhammad Ahyad (Ramli Awang, 2008, 20-21). Mohammed Bazri turut melaporkan berdasarkan temubualnya dengan anak sulung al-Mandili, sekolah yang dimasuki al-Mandili ketika di

207

**Keterbukaan Ulama Melayu Terhadap Akidah Salaf: Satu Kajian
Berdasarkan Pemikiran Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Menerusi
Kitab Perisai bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman atas Mazhab
Salaf**

Mekah ialah Dar al-Ulum al-Diniyah, Mekah (2012, 51). Berbekalkan ilmu dan sikap taqwa beliau, al-Mandili telah diberi amanah yang besar untuk mengajar di Masjidil Haram. Hal ini pastinya merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan ke atas keilmuan dan ketokohan al-Mandili sebagai tokoh ulama terbilang.

Menilai dari segi latar belakang pendidikan al-Mandili, dapat dilihat ciri keistimewaan pengajian beliau yang bertunjangkan dua aliran yang berbeza. Di Nusantara, beliau telah mempelajari dan mengamalkan akidah aliran Khalaf al-Asya'irah dan pengamalan fiqh bermazhab Syafi'i. Sebaliknya, di Mekah, beliau didedahkan dengan akidah beraliran Salaf dan pengamalan fiqh Hanbali. Melihat kepada hasil karya beliau iaitu Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf, dapat penyelidik tegaskan bahawa al-Mandili adalah seorang ulama yang bersikap terbuka dan sentiasa berdiri atas prinsip ilmu. Meski beliau menyedari bahawa aliran akidah Khalaf telah lama mendominasi pengajian akidah di Nusantara, beliau tetap berusaha untuk menterjemah dan mensyarahkan kitab al-Akidah al-Tahawiyah ke dalam Bahasa Melayu untuk tatapan umat Islam di Nusantara.

Selain itu, satu ciri utama yang dapat penyelidik gambarkan tentang al-Mandili ialah nilai keikhlasannya dalam menyampaikan agama Allah. Al-Mandili bukan seorang ulama yang mengejar nama, popularity atau kemewahan. Ramli Awang menyatakan al-Mandili pernah ditawarkan jawatan Qadhi al-Qudhat di Mekah pada zaman Malik Saud dengan gaji bulanan sebanyak 13 ribu riyal Saudi namun beliau menolaknya dengan baik sambil mengatakan "Saya menuntut ganjaran daripada Allah" (2008, 23).

Selain itu, antara ciri lain yang menjadikan al-Mandili istimewa adalah sikapnya yang sentiasa berpegang atas prinsip kebenaran. Sepanjang kajian penyelidik, dapat disimpulkan keyakinan al-Mandili tidak bertunjangkan fanatik mazhab. Beliau akan tetap bertegas dan lantang menyuarakan pandangannya tanpa mengira seseorang itu semazhab dengannya atau berlainan mazhab. Menurut Nornajwa dan Mustaffa, al-Mandili pernah menyanggah fatwa-fatwa kontroversi yang ditimbulkan oleh Syeikh Abu Bakar al-Ashaari menerusi karyanya *Sinar Matahari Buat Penyuluh Kesilapan Abu Bakar al-Ashaari*. Isu yang

didebatkan adalah berhubung status binatang halal seperti biawak, ular, labi-labi dan penyu (2015, 18).

Merujuk kepada sumbangan al-Mandili kepada umat Islam khususnya di Nusantara, tokoh ulama prolifik yang aktif menjalankan kelas-kelas pengajian agama ini telah meninggalkan sejumlah besar karya untuk tatapan umat Islam di Nusantara dan Tanah Melayu. Sejumlah 24 penulisan al-Mandili telah diterbitkan dalam pelbagai disiplin ilmu agama seperti usuluddin, fiqh, politik, hadis, Pendidikan, perundangan dan akhlak. Hingga ke hari ini, kitab-kitab al-Mandili masih dijadikan rujukan khususnya di pondok-pondok pengajian di Kedah, Kelantan dan Patani (Ramli Awang, 2008, 39).

Selain sumbangan dari segi karya penulisan, al-Mandili turut berjaya melahirkan para dai dan tokoh ternama. Menurut Abdul Basit Haji Abdul Rahman, pengasas Pondok Sungai Durian, Kuala Krai Kelantan iaitu Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Sulaiman merupakan salah seorang anak murid al-Mandili. Tambahnya lagi, kebanyakan tuan guru pondok di Malaysia yang belajar di Mekah sekitar tahun 1950-an dan 60-an pernah berguru dengan al-Mandili (Abdul Basit, 2015, xiv). Merentasi sempadan Tanah Melayu, Islyas Mahyudin menyatakan anak-anak murid al-Mandili tidak terbatas hanya kepada guru-guru pondok di Malaysia bahkan hingga di Pattani, antaranya Tuan Guru Haji Hussein, pengasas Pondok Dalor, Pattani, Tuan Guru Haji Harun, pengasas Madrasah Muassasah al-Saqofah al-Islamiah, Yala dan banyak lagi nama-nama yang tidak dapat disebutkan di sini (Islyas, 2002).

Sebagai kesimpulan, tidak keterlaluan dinyatakan bahawa al-Mandili merupakan antara tokoh ulama Melayu yang telah banyak menyumbang jasa dan keringat dalam menyebarkan dakwah Islam. Keilmuan dan ketokohnya diakui bukan sahaja oleh ulama tempatan bahkan di persada dunia. Hingga kini, karya-karya al-Mandili masih terus subur malar dan menjadi khazanah keilmuan bagi penuntut ilmu agama yang bertutur dalam Bahasa Melayu.

Kitab Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf

Sebagai pengenalan, kitab *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf* merupakan kitab terjemahan dan syarah kepada kitab *al-Akidah al-Tahawiyah*, sebuah kitab induk dalam

Keterbukaan Ulama Melayu Terhadap Akidah Salaf: Satu Kajian 209

**Berdasarkan Pemikiran Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Menerusi
Kitab Perisai bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman atas Mazhab
Salaf**

mempelajari ilmu akidah. Isi kitab ini mengandungi huraian tentang persoalan akidah sebagaimana difahami generasi Salaf (Ibn Abi al-Izz, 2007, xii). Kitab setebal 207 halaman ini dibahagikan kepada 107 subtopik mengikut turutan matan al-Tahawi.

Kesungguhan al-Mandili menterjemah dan menghuraikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah berdasarkan matan akidah al-Tahawiyah tidak seharusnya dipandang kecil dan kurang bernilai. Bagi penyelidik, khazanah ilmu yang terkandung dalam karya ini wajar diangkat sebagai satu karya sejarah dan sumbangan besar ulama Melayu dalam mengukuhkan akidah umat Islam. Tambahan pula, penerangan dan penjelasan yang diutarakan oleh al-Mandili dalam usaha memurnikan akidah masyarakat adalah sangat relevan dengan persekitaran dan adat budaya Melayu. Sebagai contoh, al-Mandili menyelar amalan perbomohan yang mendakwa mampu mengunci hantu, pelesit dan seumpamanya dalam tubuh pesakit. Tegas al-Mandili, inilah antara punca perbalahan dan permusuhan yang berlaku dalam kalangan sebahagian umat Islam apabila mereka dengan mudah percaya pada apa saja yang dikatakan oleh bomoh (al-Mandili, t.t, 185-186)

Kitab PERISAI telah selesai ditulis oleh al-Mandili pada tahun 1376H/1956M. Walaupun kitab ini telah berusia lebih separuh abad atau lebih tepat berusia 65 tahun dan ditulis dengan tulisan jawi lama menggunakan susunan gaya Bahasa Melayu separa klasik, permintaan dan sambutan masyarakat terhadap kitab ini tidak pernah pudar. Bahkan, sambutan yang menggalakkan daripada pembaca telah mendorong para penerbit untuk menerbitkan kitab ini dalam versi transliterasi ke dalam tulisan rumi bagi memudahkan golongan muda membacanya.

Menyentuh tentang huraian dan metodologi akidah, berdasarkan huraian al-Mandili, manhaj Salaf dalam berakidah adalah lebih selamat kerana bebas daripada pentakwilan yang mungkin berlaku padanya kesilapan. Selain itu, generasi Salaf adalah sebaik-baik generasi berbanding mereka yang datang setelah mereka (al-Mandili, t.t, 3). Oleh kerana itu, jalan beragama yang ditunjukkan oleh para sahabat dan tabiin sewajarnya dijadikan ikutan dan panduan dalam melaksanakan tuntutan beragama. Hakikat ini selari dengan apa yang telah disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. sebagaimana sabdanya: Sebaik-baik

umatku ialah yang berada pada abadku kemudian selepas mereka kemudian selepas mereka (Riwayat al-Bukhari). Al-Syafi'i dalam sepotong kata-katanya mengatakan:

“Allah Tabaraka wa Taala telah memuji para sahabat Rasulullah s.a.w. di dalam al-Quran, Taurat dan Injil. Telah terlebih dahulu disampaikan tentang keutamaan mereka melalui lisan Rasulullah s.a.w., sesuatu yang tidak dimiliki oleh seorang pun setelah mereka...Mereka mengerti apa yang dikehendaki oleh Rasul dalam keadaan umum mahupun khusus dan mereka mengetahui dari sunnahnya apa yang kita ketahui dan apa yang tidak kita ketahui. Mereka berada di atas kita dalam bidang ilmu pengetahuan, ijtihad, sikap wara' serta perkara yang dapat difahami oleh ilmu dan disimpulkannya. Pemikiran-pemikiran mereka bagi kita lebih terpuji dan lebih utama daripada pemikiran-pemikiran yang datang daripada kita untuk kita” (al-Baihaqi, t.t, 442-443).

Merujuk kepada manhaj akidah dalam kitab ini, penyelidik mendapati sememangnya huraian akidah yang diketengahkan berdasarkan manhaj Salaf. Dari sudut pendalilan sebagai contoh, al-Mandili dilihat sangat teliti dalam kritiknya terhadap nama al-Qadim yang disandarkan kepada Allah. Menurut al-Mandili, ulama Usuluddin telah memasukkan nama al-Qadim sebagai satu nama daripada nama-nama Allah tetapi penggunaan nama ini tidak terdapat dalam al-Quran, al-Sunnah atau ijma'. Tegasnya lagi, nama-nama Allah bersifat *tawqifiyyah* (perlu bersandarkan wahyu), bukan rekaan. Tambahnya lagi, penggunaan kata nama al-Qadim itu tidak tepat dari sudut maksud yang layak bagi Allah. Oleh kerana itu, beliau lebih cenderung menggunakan kata nama al-Awwal sebagaimana datangnya nas berhubung perkara ini (al-Mandili, t.t, 22-23). Dalam kenyataan lainnya beliau menegaskan:

“Pendeknya, segala lafaz yang datang di dalam al-Quran dan hadis yang sahih mengisbatkannya, nescaya kita isbatkan dia. Dan segala lafaz yang datang pada keduanya menafikan dia, nescaya menafikan kita akan dia. Dan adapun segala lafaz yang tiada datang mengisbatkannya dan tiada menafikannya maka hendaklah ditilik padanya (al-Mandili, t.t, 65).

Dalam bab beriman kepada Allah, al-Mandili membahagikan tauhid kepada tiga bahagian iaitu rububiyah, uluhiyyah dan al-asma' wa al-sifat. Sejauh penelitian penyelidik, pembahagian tauhid ini hanya digunakan oleh mereka yang beraliran Salaf dalam berakidah dan tidak

211

**Keterbukaan Ulama Melayu Terhadap Akidah Salaf: Satu Kajian
Berdasarkan Pemikiran Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Menerusi
Kitab Perisai bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman atas Mazhab
Salaf**

digunapakai oleh mereka yang beraliran Khalaf. Selain itu, ketika menghuraikan nama dan sifat Allah, al-Mandili menggunakan pendekatan isbat dan tafwidh. Beliau mengisbatkan sifat-sifat Allah sepertimana zahir nas dan menyerahkan (tafwidh) kaifiyat sifat tersebut kepada Allah tanpa mentakwilkan sifat tersebut kepada maksud lainnya. Menerusi kitab Perisai, al-Mandili menggariskan beberapa prinsip dalam memahami nama-nama dan sifat-sifat Allah. Prinsip-prinsip tersebut dapat dihuraikan seperti berikut:

1. Mengisbatkan nama dan sifat Allah atas makna zahir (al-Mandili, t.t, 12).
2. Menafikan penyerupaan sifat Allah dengan sifat makhluk (al-Mandili, t.t, 26).
3. Tidak memalingkan sifat Allah daripada makna zahirnya dengan mentakwil sifat tersebut kepada maksud yang lain (al-Mandili, t.t, 56).
4. Tunduk dan menerima perkhabaran wahyu tanpa mendahulukan akal dan pandangan manusia (al-Mandili, t.t, 57).
5. Menyerahkan hakikat zat ketuhanan hanya pada Allah (al-Mandili, t.t, 25).

Prinsip-prinsip yang telah dinyatakan merupakan bukti jelas pendirian al-Mandili terhadap akidah Salaf.

Berkait rapat dengan pernyataan di atas, al-Mandili menerusi huraianya telah mengisyaratkan kepada keterbatasan akal dan peranannya dalam agama. Dalam hal ini, al-Mandili mendidik masyarakat awam supaya mereka sedar keterbatasan akal dalam mengetahui serta memahami hakikat sesuatu yang bersifat ghaibiyat. Peranan akal hanyalah untuk tunduk dan beriman atas apa yang telah dinyatakan nas syara'. Menukilkan kata-kata al-Mandili:

“Bahawasanya Allah Taala tiada sampai kepada hakikat-Nya oleh sangka makhluk dan tiada meliputi dengan dia oleh pengetahuan yang baharu...yakni tiada mendapat mereka itu akan hakikat Allah Taala dan tiada mengetahui akan hakikat Allah Taala melainkan Dia jua. Dan hanyasanya mengetahui kita akan Dia dengan nama-Nya dan sifat-Nya” (al-Mandili, t.t, 25).

Pada halaman lainnya, beliau menyatakan:

“Seperti tiada kita ketahui hakikat zat-Nya dan segala sifat-Nya. Bahkan beberapa banyak kalam baharu yang tiada kita tahu kaifiyatnya, sekalipun beriman kita dengan ada itu perkataan; seperti tasbih anak batu di tangan Nabi s.a.w. dan memberi salam oleh batu atasnya. Dan perkataan tangan dan bersaksi oleh kaki dan bercakap oleh kulit pada hari Kiamat dan semuanya dengan tiada ada mulut yang keluar daripadanya suara” (al-Mandili, t.t, 49).

Penjelasan al-Mandili ini jelas membuktikan keterbatasan akal untuk memahami hakikat berkata-kata sebahagian makhluk tetapi perkara ini wajib diimani sebagaimana datangnya nas tanpa sebarang pentakwilan. Ibn Rajab al-Hanbali menghuraikan bahawa sikap berdiam diri dari membahaskan perkara ghaib dan keengganan ulama Salaf mentakwil ayat-ayat sifat bukan kerana kurangnya tahap penguasaan ilmu akan tetapi kerana mereka takut untuk mengatakan sesuatu yang tidak diberikan ilmu pada mereka. Mereka enggan memaksa diri untuk menjelaskan sesuatu yang di luar jangkauan akal mereka dan memadai dengan beriman serta *ittiba'* di atas jalan yang telah dicontohkan oleh Rasulullah s.a.w (Ibn Rajab, 2008, 43).

Kesimpulan & Saranan

Dengan merujuk kepada karya-karya peninggalan ulama Melayu silam, penulisan dan wadah ilmiah mereka jelas membuktikan keterbukaan dan penerimaan mereka terhadap akidah Salaf sebagai salah satu aliran dalam mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Di sebalik kecenderungan mereka terhadap aliran Asya'irah dan Maturidiyah, mereka tidak meminggirkan perbahasan tentang akidah Salaf dalam kitab-kitab mereka dan perbezaan pandangan antara Salaf dan Khalaf dilontarkan secara adil dan saksama.

Keterasingan akidah Salaf dalam kalangan masyarakat awam dapat ditangani menerusi pendidikan dan sebaran maklumat secara amanah ilmiah serta tuntas. al-Haramayn al-Juwayni menerusi karyanya *al-Ghiyathi* menyarankan agar golongan pemerintah memainkan peranan utama dengan mengajarkan akidah Salaf kepada masyarakat. Hal ini kerana kefahaman Salaf bersifat mudah dan tidak merumitkan. Lebih dari itu, golongan Salaf adalah generasi yang memiliki pemikiran dan pandangan yang paling bijak dan penerangan yang paling jelas. Jalan mereka lebih selamat berbanding jalan selainnya (al-Qaradawi, 2014, 272-273). Selain kurikulum pengajian akidah berteraskan aliran

213

**Keterbukaan Ulama Melayu Terhadap Akidah Salaf: Satu Kajian
Berdasarkan Pemikiran Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Menerusi
Kitab Perisai bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman atas Mazhab
Salaf**

Asyairah dan Maturidiyah, pendedahan tentang akidah Salaf juga perlu disebarikan sama ada dalam institusi pengajian yang bersifat formal atau tidak formal seperti kuliah di masjid atau surau. Salah faham, kekeliruan, syubhat dan penyelewengan fakta berhubung akidah Salaf wajar diluruskan. Para pendakwah, guru takmir dan guru agama dan ahli akademik harus bersikap terbuka dan mempunyai nilai amanah ilmiah dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat awam supaya polemik antara mazhab Salaf dan Khalaf dapat ditangani secara harmoni dan telus.

BIBLIOGRAFI

Abdul Shukor Haji Husin. *Ahli Sunah Waljamaah Pemahaman Semula*. (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000).

Ahmad Sonhadji bin Mohamad. *'Abr al-Athir, Tafsir al-Quran*. (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2012).

Basri bin Ibrahim. *Akidah Ahli Sunnah Wa al-Jamaah Berdasarkan Manhaj Asya'irah*. (Batu Caves: al-Hidayah Publication, 2019).

Al-Baihaqi, Ahmad bin al-Husain. *Manaqib al-Syafi'i*. Diselenggara oleh al-Sayyid Ahmad Saqr. (Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, t.t).

Al-Fatani (a), Wan Zainul Abidin bin Muhammad. *Akidah al-Najin fi 'Ilmi Usul al-Din*. Cetakan Keempat. (Patani: Percetakan Bin Halabi, t.t).

Al-Fatani (b), Ahmad bin Muhammad. *Faridatul Faraid Fi 'Ilm al-'Aqid*. (Pulau Pinang: Percetakan al-Ma'arif, t.t).

al-Fatani (c), Syeikh Muhammad Nur bin Muhammad Ismail. *Kifayatul Muhtadi Pada Menerangkan Cahaya Sullamil Muhtadi*. (Fattani: Matba'ah Bin Halabi, t.t).

214 **Muhammad Ihsan Bin Idris, Nurul Faezah Binti Yahaya and Nor Athirah Binti Mohamed Indera Alim Sah**

al-Mandili, Abdul Qadir bin Abdul Mutalib. *Perisai Bagi Sekalian Mukallaf Atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf*. (Fatani: Matba'ah Bin Halabi, t.t)

al-Qaradawi, Yusof bin Abdullah. *Isu Akidah Antara Salaf Dan Khalaf*. Edisi terjemahan oleh Ahmad Waliyuddin Johari dan Solihuddin Mohamad Jahar. (Batu Caves: PTS Islamika, 2014).

Al-Marbawi, Mohamed Idris Abdul Rauf. *Bahr al-Madhi*. (Dar al-Fikr. t.t). Jilid 11, Juz 21.

Engku Ku Hassan, Mohd Fauzi Hamat, 'Pengaruh Umm al-Barahin Karangan al-Sanusi Dalam Penulisan Karya Akidah Di Alam Melayu,' *Jurnal Usuluddin* 30, (2009):1-31, <http://jupidi.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7331/4983>, diakses pada 10 Ogos 2022.

Faisal Ahmad Shah. *Biografi Ulama Malaysia: Mohamed Idris al-Marbawi: Penulis Karya Agung Bahr al-Madhi*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013).

Ramli Awang. *Akidah Penghayatan Tauhid al-Quran*. Edisi Kedua. (Johor Bahru: Penerbit UTM Press, 2013).

Hamat, M. F. (2017) 'Sumbangan Pengajian Akidah Dalam Membangun Minda Melayu: Suatu Sorotan Ringkas.' *AFKAR Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*. 5/1 (2017):25-44, ojie.um.edu.my/index.php/afkar/article/view/12177/7920, diakses pada 10 Ogos 2022.

Mat Nor, N., & Ali, M.S, 'Kajian Literatur Terhadap Sumbangan Ulama Melayu Dalam Menjelaskan Ayat Mutasyabihat.' *IJQK International Journal of al-Quran And Knowledge*. 1/1 (2021): 49-56, ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/13/6, diakses pada 10 Ogos 2022.

Norlaila binti Sulaiman (2010) *Isu-isu Akidah Terpilih Dalam Tafsir 'Abr al-Athir Karya Ahmad Sonhadji*. (Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya. 2010).

**Keterbukaan Ulama Melayu Terhadap Akidah Salaf: Satu Kajian 215
Berdasarkan Pemikiran Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Menerusi
Kitab Perisai bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman atas Mazhab
Salaf**

Ibn Rajab. *Bayan Fadhl 'Ilm al-Salaf 'Ala 'Ilm al-Khalaf* (edisi terjemahan dalam Bahasa Inggeris oleh Abu Rumaysah dengan judul *The Excellence of Knowledge*). Cetakan Pertama. (Birmingham: Daar Us-Sunnah Publishers, 2008).